

# FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MINAT PELAJAR TERHADAP KURSUS KEUSAHAWANAN DI KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS

Nurmaisarah Binti Mohd Din, Siti Norsyuhanas Binti Mohd Nasri

Kolej Komuniti Pasir Mas, Kelantan

[cikmydin@gmail.com](mailto:cikmydin@gmail.com), [Siti\\_nor\\_syuhanas@kkpmas.edu.my](mailto:Siti_nor_syuhanas@kkpmas.edu.my)

## ABSTRAK

Minat yang mendalam terhadap sesuatu bidang mampu merangsang pelajar untuk berfikir lebih kreatif dan dinamik dalam menghasilkan pencapaian yang cemerlang. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus Keusahawanan di Kolej Komuniti Pasir Mas, Kelantan. Seramai 52 orang responden yang terdiri daripada pelajar semester 3 sesi Mac 2017 Sijil Pengoperasian Perniagaan di Kolej Komuniti Pasir Mas dipilih bagi tujuan kajian ini. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan deskriptif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data menggunakan borang soal selidik berskala likert. Item-item berkaitan dengan faktor sikap pelajar, persekitaran dan pengajaran pensyarah diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian-kajian lepas. Data dianalisis menggunakan SPSS untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa faktor pengajaran pensyarah merupakan faktor yang paling mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus Keusahawanan berbanding sikap pelajar dan persekitaran. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa kaedah pengajaran yang diterapkan dan penyampaian maklumat yang menarik kepada pelajar mampu mendorong minat pelajar terhadap sesuatu perkara. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharap dapat memberi manfaat khususnya kepada para pensyarah sebagai usaha dalam menambahbaik kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan oleh pensyarah pada masa akan datang.

Kata Kunci: Faktor sikap, persekitaran, kaedah pengajaran pensyarah, keusahawanan.

### 1.0 Pengenalan

Bidang keusahawanan merupakan salah satu bidang penting yang mampu menjana pendapatan bukan sahaja kepada individu berkenaan malah ia turut memberi kesan kepada pendapatan negara sekaligus dapat meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Bukan sahaja pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara, malah bidang keusahawanan ini juga berpotensi besar dalam mengekalkan daya saing negara bagi menghadapi cabaran ekonomi yang global (Venkatachalam & Waqif 2005; Schaper & Volery 2004). Selaras dengan kepentingan tersebut, pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 sebagai panduan perancangan dan pelaksanaan dalam institusi pengajian. Hal ini kerana, melalui pendidikan yang diterapkan mampu melahirkan insan yang holistik, seimbang dan mempunyai minda keusahawanan yang berupaya bertindak sebagai penjana pekerjaan (*job creator*) (KPT, 2016).

Selain itu, dalam Rancangan Malaysia Ke-11 turut menegaskan bahawa pembangunan modal insan melalui aktiviti keusahawanan yang dijalankan telah dikenalpasti sebagai pemboleh ubah yang penting kepada negara khususnya dalam menyokong peralihan sektor-sektor ekonomi kepada aktiviti berintensif pengetahuan dan inovasi (KPT, 2016). Melihat betapa pentingnya pendidikan dan keusahawanan ini, institusi pendidikan di mana para pendidik berperanan dalam melatih dan memupuk minat pelajar terhadap bidang keusahawanan. Rentetan daripada itu, Kolej Komuniti juga tidak terlepas dalam memikul tanggungjawab bagi mencapai matlamat negara dalam melahirkan modal insan yang berminda keusahawanan. Kolej Komuniti dianggap sebagai institusi yang berpotensi memberikan impak besar kepada masyarakat turut sama dalam pembangunan keusahawanan (Che Hassan et al.,(2013). Kolej komuniti memandang serius kepada bidang keusahawanan sebagai satu cabang bidang yang perlu diterapkan dalam diri pelajar pada masa kini. Pihak kolej komuniti telah mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Keusahawanan Kolej Komuniti (PUSKOM) di peringkat jabatan kolej komuniti dan E-tech Centre di semua kolej komuniti di seluruh Malaysia (Kementerian Tinggi, 2010). Melalui penubuhan PUSKOM, pelbagai aktiviti keusahawanan diadakan bagi menarik minat lebih ramai pelajar kolej komuniti menyertai bidang keusahawanan. Menjelang tahun 2020, anjakan paradigma dikalangan graduan adalah diperlukan, kerana sumbangan mereka kepada keusahawanan akan merangsang pertumbuhan ekonomi Negara dan membantu mengerakan ke arah menjadi sebuah negara maju.

## **2.0 Pernyataan Masalah**

Minat merupakan satu kecenderungan seseorang untuk mengetahui, mempelajari sesuatu perkara yang menjurus mereka kepada pilihan yang diinginkan. Menurut Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004), perkara utama yang perlu ada dalam diri seseorang usahawan itu adalah bergantung kepada kemampuan dan kesungguhan dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Ini bermaksud minat perlu ada sebagai asas kepada bidang keusahawanan dan seringkali dikaitkan sebagai pengaruh utama kepada seseorang individu dalam melakukan apa jua perkara. Kursus keusahawanan merupakan kursus yang dominan di Kolej Komuniti Pasir Mas yang menawarkan bidang pengajian Sijil Pengoperasian Perniagaan. Pelbagai pendekatan digunakan untuk pengisian pelajar bagi memberi galakan dan dorongan kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Namun, senario yang dapat dilihat kebelakangan ini kurangnya penglibatan dan penyertaan pelajar dalam aktiviti-aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh kolej. Rekod markah penilaian berterusan bagi pelajar kelas kursus keusahawanan sesi Mac 2017 juga tidak memberangsangkan dibandingkan dengan sesi yang sebelumnya. Atas kesedaran untuk mewujudkan masyarakat yang produktif serta berdaya saing, pelbagai usaha telah diambil untuk meningkatkan minat lebih ramai pelajar menyertai bidang keusahawanan. Namun, usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya jika tidak dilaksanakan dengan cara yang betul (Norasmah Hj Othman et.al, 2002). Berdasarkan kepada permasalahan tersebut, kajian ini dijalankan bagi mengkaji tiga faktor utama yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus keusahawanan di Kolej Komuniti Pasir Mas iaitu faktor sikap pelajar, faktor persekitaran dan faktor pengajaran pensyarah.

### **3.0 Objektif kajian**

- I. Mengenalpasti faktor sikap dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus keusahawanan.
- II. Mengenalpasti faktor persekitaran dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus keusahawanan.
- III. Mengenalpasti faktor galakan keluarga dalam mempengaruhi minat terhadap kursus keusahawanan

### **4.0 Persoalan kajian**

- I. Adakah faktor faktor sikap dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus keusahawanan.
- II. Adakah faktor persekitaran dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus keusahawanan
- III. Adakah faktor galakan keluarga dalam mempengaruhi minat terhadap kursus keusahawanan

### **5.0 Metodologi**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan dimana set soal selidik diedarkan kepada responden yang terlibat. Menurut [Sekaran \(2003\)](#) menjelaskan bahawa kaedah pengumpulan data melalui soal selidik merupakan salahs atu kaedah yang efisien. Bagi [Talib \(2013\)](#) pula berpendapat bahawa soal selidik digunakan dalam kajian kerana ia mudah, murah dan cepat dalam mendapatkan maklumat daripada responden.

#### **5.1 Populasi dan sampel**

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan di Kolej Komuniti Pasir Mas iaitu seramai 114 orang pelajar. Dalam kajian ini, seramai 52 orang pelajar semester tiga sesi Mac 2017 dari Sijil Pengoperasian Perniagaan dipilih sebagai responden kajian.

#### **5.2 Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah set soal selidik yang diedarkan kepada pelajar sebagai responden kajian. Soal selidik yang dibangunkan ini adalah untuk melihat factor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus Keusahawanan di Kolej Komuniti Pasir Mas. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi soal selidik yang berkaitan dengan latar belakang pelajar yang terdiri daripada jantina, umur, bangsa dan bidang pengajian. Bahagian B pula mengandungi 21 item soalan yang meliputi tiga faktor iaitu faktor sikap pelajar, persekitaran dan pengajaran pensyarah. Item-item dalam soal selidik ini telah diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian lepas [Madar et al.\(2005\)](#).

Seterusnya, soal selidik ini menggunakan skala likert dalam soalan yang dibina bagi membolehkan responden memilih jawapan mengikut pilihan masing-masing (1 = sangat tidak setuju; 2 = tidak setuju; 3 = kurang setuju; 4 = setuju; 5 = sangat setuju). Bagi memastikan soal selidik yang dibina boleh digunakan dalam kajian, kajian rintis telah dijalankan bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Hasil daripada analisis menunjukkan nilai  $\alpha = 0.852$ . Ini menunjukkan kebolehpercayaan bagi soal selidik adalah baik dan boleh diterima dimana nilai  $\alpha$  di antara 0.70 hingga 0.89 (Chua, 2006). Dengan ini, kajian dapat dijalankan ke atas pelajar semester 3 Sijil Pengoperasian Perniagaan di Kolej Komuniti Pasir Mas.

### 5.3 Analisis Data

Dapatan kajian dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelajar semester tiga Sijil Pengoperasian Perniagaan. Data-data kajian ini dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif (min, dan sisihan piawai).

## 6.0 Dapatan

Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah 52 orang pelajar dimana 28.8% adalah lelaki manakala 71.2% adalah perempuan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelajar perempuan mendominasi kajian ini. Ringkasan bagi perbezaan jantina adalah seperti dalam jadual 5.1.

**Jadual 5.1:** Analisis jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	15	28.8
Perempuan	37	71.2
<b>Jumlah</b>	<b>52</b>	<b>100</b>

### 6.1 Faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus Keusahawanan

Minat merupakan kecenderungan seseorang individu untuk melakukan sesuatu perkara. Minat yang positif dari diri pelajar mampu mendorong mereka untuk meminati sesuatu perkara seterusnya berusaha untuk berjaya terhadap apa jua yang dilakukannya. Minat yang kuat boleh mendorong dan membakar semangat seseorang untuk menjadi gigih apabila berhadapan dengan sebarang cabaran dan masalah (Ariffin, 2002). Dalam kajian ini, terdapat tiga faktor yang dikaji dalam meninjau minat pelajar terhadap kursus Keusahawanan di Kolej Komuniti Pasir Mas. Antara faktor-faktor yang dikaji dalam kajian ini adalah faktor sikap pelajar, persekitaran dan pengajaran pensyarah.

#### 6.1.1 Objektif kajian 1 : Mengenalpasti faktor sikap dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan

Dalam kajian ini, lapan item berkenaan dengan sikap pelajar diukur bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus Keusahawanan. Berdasarkan analisis yang dijalankan, hasil dapatan menunjukkan item bagi “saya suka menghadiri kelas bagi kursus Keusahawanan” adalah min yang paling tinggi iaitu 4.19 dan sisihan piawai adalah 0.398. Manakala bagi item “harus memberi tumpuan yang lebih terhadap kursus Keusahawanan bagi mendapatkan keputusan yang cemerlang” adalah min yang paling rendah iaitu 3.96 dan sisihan

piawai adalah 0.341. Hal ini menunjukkan bahawa sikap pelajar itu sendiri memainkan peranan penting dalam mendorong untuk meminati sesuatu perkara. Ringkasan bagi nilai min dan sisihan piawai berkenaan faktor sikap pelajar adalah seperti jadual 5.2.

**Jadual 5.2:** Faktor sikap pelajar

	<b>Item</b>	<b>min</b>	<b>Sisihan piawai</b>
B1	Saya suka menghadiri kelas bagi kursus Keusahawanan	4.19	0.398
B2	Saya suka berinteraksi dengan pensyarah ketika mengikuti kursus Keusahawanan	4.17	0.382
B7	Saya harus memberi tumpuan yang lebih terhadap kursus Keusahawanan bagi mendapatkan keputusan yang cemerlang	3.96	0.341
<b>Jumlah Keseluruhan Min (8 soalan)</b>		<b>4.06</b>	<b>0.281</b>

### **6.1.2 Objektif kajian 2 : Mengenalpasti faktor persekitaran dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan**

Faktor persekitaran juga turut dikaji dalam kajian ini sebagai salah satu faktor yang dapat mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus Keusahawanan. Dalam kajian ini, lima soalan berkaitan dengan faktor persekitaran dikaji. Berdasarkan analisis yang dijalankan, hasil kajian menunjukkan bahawa min yang paling tinggi adalah 4.15 dan sisihan piawai adalah 0.364 yang mewakili item “kemudahan peralatan bagi menjalankan aktiviti keusahawanan seperti meja dan kerusi disediakan”. Hal ini menunjukkan bahawa kemudahan-kemudahan untuk menjalankan aktiviti keusahawanan seperti meja dan kerusi dapat disediakan oleh pihak Kolej Komuniti memainkan peranan penting dalam menarik minat pelajar terhadap kursus Keusahawanan sekaligus mendorong pelajar dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan keusahawanan.

**Jadual 5.3:** Faktor persekitaran

	<b>Item</b>	<b>min</b>	<b>Sisihan piawai</b>
B11	Bahan-bahan rujukan yang disediakan di perpustakaan banyak membantu saya dalam membuat rujukan	3.90	0.298
B13	Kemudahan peralatan bagi menjalankan aktiviti keusahawanan seperti meja dan kerusi disediakan	4.15	0.364
<b>Jumlah Keseluruhan Min (5 soalan)</b>		<b>4.03</b>	<b>0.218</b>

### 6.1.3 Objektif kajian 3 : Mengenalpasti faktor pengajaran pensyarah dalam mempengaruhi minat terhadap bidang keusahawanan

Dalam kajian ini, terdapat 8 item yang berkaitan dengan pengajaran pensyarah diukur bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus Keusahawanan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa item “pensyarah berjaya menjadikan kursus Keusahawanan sebagai mata pelajaran menarik” dan item “pensyarah memberi penerangan yang secukupnya mengenai sesuatu topik yang di ajar” adalah min yang paling tinggi iaitu 4.21 dan manakala sisihan piawai 0.412. Jelas di sini menunjukkan kaedah pengajaran yang diterapkan oleh pensyarah semasa proses pengajaran dan pembelajaran turut memainkan peranan penting dalam memupuk minat pelajar terhadap perkara yang di ajar di dalam kelas.

**Jadual 5.4:** Faktor pengajaran pensyarah

Item	min	Sisihan piawai
B18 Pensyarah berjaya menjadikan kursus Keusahawanan sebagai mata pelajaran menarik	4.21	0.412
B20 Pensyarah memberi penerangan yang secukupnya mengenai sesuatu topik yang diajar	4.21	0.412
B21 Pensyarah sering menceritakan tokoh-tokoh usahawan yang berjaya	4.19	0.398
<b>Jumlah Keseluruhan Min (8 soalan)</b>	<b>4.11</b>	<b>0.261</b>

## 7.0 Perbincangan

Berdasarkan daripada hasil kajian yang dijalankan, dapat dilihat bahawa faktor pengajaran pensyarah menunjukkan nilai keseluruhan min yang paling tinggi berbanding faktor sikap pelajar dan persekitaran. Hal ini menunjukkan bahawa faktor utama yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus Keusahawanan adalah faktor pengajaran pensyarah. Dapatan ini menyokong pandangan [Kanafiah dan Jumadi \(2013\)](#) berpendapat bahawa kaedah pengajaran yang diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting dalam memupuk minat pelajar seterusnya memahami subjek tersebut. [Hassan et al. \(2010\)](#) turut berpendapat bahawa kebijaksanaan guru dalam menggabungkan kemahiran insaniah dan kemahiran keusahawanan akan dapat menimbulkan motivasi dan minat pelajar dalam menguasai subjek keusahawanan sama ada secara teori mahupun praktikal.

Seiring dengan kecanggihan teknologi dan perkembangan pendidikan pada masa kini, pelajar lebih memerlukan pendidikan yang lebih efisien berbanding dengan pembelajaran secara tradisional seperti pembelajaran berteraskan teori semata-mata, kuliah, peperiksaan dan sebagainya. Antara kaedah yang bersesuaian dan berkesan di dalam menyampaikan pendidikan keusahawanan adalah menerusi pembelajaran melalui pengalaman seperti memberi pendedahan awal sebagai usahawan dengan mengadakan aktiviti jualan secara kecil-kecilan di sekitar kolej ([Othman et al., 2012](#)). Oleh sebab itulah, [Fayolle \(2000\)](#) menegaskan bahawa betapa pentingnya mewujudkan persekitaran keusahawanan dalam institusi pendidikan khususnya di kolej komuniti sebagai salah satu menarik minat pelajar dalam menguasai kursus keusahawanan.

Sungguhpun dalam kajian ini telah membuktikan bahawa faktor utama dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap kursus keusahawanan di Kolej Komuniti Pasir Mas adalah dari segi pengajaran pensyarah, namun sikap pelajar dan persekitaran turut memainkan peranan dalam memupuk minat pelajar terhadap kursus keusahawanan. Menurut Quek Aik Sin (1998), persekitaran merupakan objek yang berada disekitar individu dan masyarakat yang mana ianya boleh mempengaruhi individu atau masyarakat itu sendiri. Makanya, faktor persekitaran juga mampu membudayakan individu setempat dengan caranya tersendiri samada secara langsung atau tidak langsung. Faktor sikap juga sebenarnya memberi impak dalam mempengaruhi seseorang individu dalam melakukan sesuatu. Ini adalah kerana menurut Buerah tunggak (2007), usahawan yang mengamalkan sikap efektif dan beretika lebih berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburi, berbanding dengan usahawan yang tidak mengamalkan sikap efektif dan kurang beretika.

## **8.0 Kesimpulan dan cadangan**

Sebagai kesimpulan, hasil kajian secara keseluruhannya mendapati bahawa faktor utama yang mempengaruhi minat pelajar dalam kursus keusahawanan di Kolej Komuniti Pasir Mas adalah pengajaran pensyarah kursus tersebut diikuti dengan faktor sikap dan persekitaran pelajar. Menurut Bakar, N. A. (2008), Pensyarah juga merupakan faktor utama dalam menyumbang kecemerlangan dalam akademik pelajar. Pensyarah yang bijaksana akan menjadikan proses pengajarannya sesuatu yang bermanfaat. Kecekapan dan keberkesanan seseorang pensyarah juga memainkan peranan penting sebagai pembimbing atau model kerana ianya dapat mempengaruhi pelajar. Kaedah pengajaran seperti aktiviti pertandingan perniagaan, penempatan industri, praktikal dan amali serta ceramah motivasi daripada usahawan sebenar yang telah dilaksanakan oleh kolej telah memberi impak kepada minat dan keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej (Abdul Halim et al. (2012), Pelbagai inisiatif dalam pembudayaan keusahawanan melalui pengajaran boleh ditambah baik bagi menarik minat pelajar untuk lebih menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dengan cara melibatkan diri pelajar secara aktif dengan kaedah pengajaran secara *hands on experience, know how, problem solving* dan *action oriented*. Pendidikan keusahawanan yang betul mampu mendidik seseorang itu mengenal pasti peluang dan merebut peluang yang tercetus dalam persekitarannya, menterjemahkan idea ke dalam bentuk realiti atau satu kegiatan ekonomi dan mampu bertahan dan peka dengan perubahan dan ketidakpastian (Yap, 2002; Nor Aishah, 2002).

Selain itu, pihak pengurusan di peringkat Kementerian, jabatan adalah di cadangkan untuk memberi lebih banyak peluang dari segi penganjuran program, pendedahan praktikal dan perkongsian ilmu dalam bidang keusahawanan kepada bukan sahaja golongan pelajar tetapi juga kepada golongan pensyarah bagi tujuan penambahan ilmu dan pengalaman. Bagi membolehkan para pensyarah ini mengajar dan menyampaikan ilmu keusahawanan yang lebih berkesan, adalah dicadangkan juga golongan pensyarah ini turut melibatkan diri secara langsung dalam menguruskan perniagaan sendiri atau sebagai rakan kongsi dengan projek perniagaan yang dijalankan oleh pelajar. Cadangan ini adalah bagi memberi pengalaman secara *hands-on* kepada pensyarah itu sendiri dalam mempraktikkan ilmu keusahawanannya dan berkongsi pengalaman dengan para pelajar.

## 9.0 Rujukan

- Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004). Prinsip Keusahawanan Edisi Kedua. Prentice Hall: Pearson Malaysia Sdn.Bhd.
- Ariffin, S. & Sabaruddin, A.S. (2002). *Keusahawanan: Rahsia ke Puncak Kejayaan*. Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd. ms 33
- Bakar, N. A. (2008). *Faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar tahun akhir terhadap bidang keusahawanan di UTM* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Buerah Tunggak. 2007. *Budaya Niaga Usahawan Bumiputera dan Implikasinya Terhadap Pendidikan dan Pembangunan Keusahawanan Muslim*, Kajian Penyelidikan Peringkat Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Chua, Y. P. (2006). *Research Methods*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Fayolle, A. (2000). Exploratory study to assess the effects of entrepreneurship programs on French student entrepreneurial behaviors. *Journal of Enterprising Culture*, 8(02), 169-184.
- Hassan, S. C., Hassan, N. C., & Buang, N. A. (2010, November). Penguasaan Kemahiran Insaniah (Kemahiran Keusahawanan) Dalam Kalangan Guru Sekolah Di Malaysia. In *Proceeding of the 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010* (pp. 8-10).
- Kanafiah, S., & Jumadi, A. (2013). Students' Perception Towards Mathematics: Attitudes, Interests and Lecturers' Teaching. In *International Symposium on Mathematical Sciences and Computing Research* (pp. 6-7).
- Kementerian Pendidikan Tinggi. 2016. *Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020*. Putrajaya.
- Madar, A. R., Kamaruddin, N. A., & Puteh, S. (2005). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai mata pelajaran kejuruteraan di politeknik politeknik kementerian pengajian tinggi Malaysia.
- Nor Aishah, B. (2002). *Asas Keusahawanan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Othman, N., Othman, N. H., Tin, P. B., & Ismail, R. (2012). Impak globalisasi dan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. *Prosiding Perkem*, 7(1), 435-445.
- Othman, N. H., Tarmizi, R. A., Nazri, M. I., & Pihie, Z. A. L. (2002). Program Keusahawan Remaja di Malaysia: Satu Tinjauan. In *Seminar Kebangsaan Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia* (Vol. 22)
- Sarimah C. H. Potensi Kolej Komuniti Sebagai Wadah Pembentukan 'Majikan' Lestari. *Prosiding Perkem Viii, J Ilid 2* (2013) 880-887
- Schaper, M. & Volery, T. (2004). *Entrepreneurship and Small Business: A Pacific Rim Perspective*. Milton, Queensland: John Wiley & Sons Ltd.

Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. 2<sup>nd</sup> ed. Toronto: John Wiley & Sons.

Talib, O. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Halaman 136-190  
Yahaya, A. Maalip, H & Omar, M. H. (2011). Permasalahan Yang Mempengaruhi Pembelajaran Dan Pencapaian Akademik

Venkatachalam, V. B., & Waqif, A. (2005). Outlook on Integrating Entrepreneurship in Management Education in India. *Decision (0304-0941)*, 32(2), 57-71.